

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**  
**DEWAN RAKYAT MALAYSIA**  
**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEENAM**

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **TUAN CHARLES ANTHONY SANTIAGO**  
**KAWASAN** : **KLANG**  
**TARIKH** : **12 MAC 2018**  
**NO. SOALAN** : **14**

**SOALAN**

**Y.B Tuan Charles Anthony Santiago [ Klang ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan status rundingan *Regional Comprehensive Economic Partnership (RCEP)* dan *Comprehensive and Progressive Agreement for Trans-Pacific Partnership (CPTPP)*. Sudahkah Kerajaan menyiapkan analisa kos faedah bagi kedua-dua perjanjian ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

Penyertaan Malaysia dalam rundingan perjanjian perdagangan bebas (FTA) adalah selaras dengan dasar Kerajaan yang komited untuk menjadikan Malaysia sebuah negara perdagangan yang berdaya saing serta mampu menarik pelaburan asing yang berkualiti tinggi.

2. Mengenai status rundingan RCEP, Malaysia bersama-sama dengan 9 Negara-negara Anggota ASEAN (*ASEAN Member States – AMS*) dan 6 Negara Rakan Perjanjian Perdagangan Bebas (*ASEAN Free Trade Agreement Partners – AFPs*) kini sedang giat merundingkan

25

Perjanjian tersebut. Sejak rundingan dilancarkan pada bulan Mei 2013, sebanyak 21 pusingan rundingan telah diadakan. Manakala bagi peringkat Menteri-menteri RCEP pula, sebanyak 9 Mesyuarat telah diadakan dan pada bulan November 2017, satu Sidang Kemuncak Pemimpin-pemimpin RCEP buat julung kalinya telah diadakan.

3. Seajar dengan mandat yang diberikan oleh Pemimpin-pemimpin dan Menteri-menteri RCEP, rundingan RCEP terus dipergiatkan dan disasarkan untuk dimuktamadkan secara substantif pada penghujung tahun 2018. Dari segi rundingan teks, kemajuan adalah pada tahap yang memberangsangkan berdasarkan kepada laporan-laporan kemajuan oleh beberapa Kumpulan Kerja atau Sub-Kumpulan Kerja (*Working Groups (WG)/Sub-Working Groups (SWG)*) yang dikemukakan kepada Jawatankuasa Perundingan *Perdagangan (Trade Negotiating Committee – TNC)* sewaktu pusingan rundingan ke-21 baru-baru ini

4. Walau bagaimanapun, TNC berpendapat bahawa wujud keperluan mendesak untuk perundingan terus menangani jurang dan isu-isu tertunggak dalam pemahaman dan tahap liberalisasi yang ingin dicapai oleh negara-negara RCEP. Secara keseluruhannya, perbincangan mengenai akses pasaran mendominasi struktur perundingan RCEP. Tambahan lagi, terdapat beberapa bab yang sedang dirundingkan akan tetapi pemuktamadannya adalah bergantung kepada hasil rundingan akses pasaran untuk perdagangan barangan, perkhidmatan dan juga pelaburan.

5. Menteri-menteri RCEP akan mengadakan perjumpaan pada 3 Mac 2018 di Singapura bagi membincangkan isu-isu yang telah dikenalpasti oleh TNC untuk diberikan panduan khusus. Sebagai tindakan susulan kepada keputusan Menteri-menteri RCEP, negara-negara RCEP akan

mengemukakan tawaran-tawaran akses pasaran untuk modaliti tarif perdagangan barangan, tawaran sektor perkhidmatan dan juga Reservation Lists pelaburan yang ditambah-baik pada 13 April 2018, iaitu dua minggu sebelum pusingan rundingan ke-22 dilangsungkan. Ini adalah penting untuk mempertingkatkan lagi momentum perundingan dan isu-isu utama ini perlu terus diberikan perhatian dan dibincangkan.

6. Di samping itu juga, pertemuan yang lebih kerap di peringkat Menteri-menteri RCEP seperti yang dimandatkan oleh Pemimpin-pemimpin RCEP adalah satu langkah positif dan strategik terutama sekali dalam usaha untuk mencari landing zones perundingan yang dipersetujui oleh kesemua negara.

Tuan Yang di-Pertua,

7. Seperti ahli-ahli Dewan Rakyat yang mulia ini sedia maklum, baru-baru ini telah berlangsungnya Majlis Menandatangani Perjanjian *Comprehensive and Progressive Agreement for Trans-Pacific Partnership* (CPTPP) pada 8 Mac 2018 yang lalu di Santiago, Chile. Majlis ini menunjukkan komitmen 11 buah negara ahli anggota dalam meneruskan Perjanjian yang dahulunya dikenali sebagai TPP biarpun tanpa penyertaan Amerika Syarikat.

8. Perjanjian ini akan dilaksanakan melalui penggabungan perjanjian asal TPP ke dalam perjanjian baharu, dan beberapa peruntukan perjanjian asal TPPA akan digantung atau tidak akan dilaksanakan. Peruntukan-peruntukan yang akan digantung telah dibincangkan dan dipersetujui secara konsensus oleh semua kesebelas negara ahli. Senarai penuh peruntukan yang telah dipersetujui untuk digantung (*List of Suspended Provisions*) telah pun dimuat naik di laman sesawang MITI pada 11 November 2017.

21

Tuan Yang di-Pertua,

9. Walaupun Perjanjian ini telah ditandatangani, namun begitu di bawah Artikel 3 *Entry into Force*, Perjanjian CPTPP hanya akan berkuat kuasa apabila sekurang-kurangnya 6 buah negara atau 50% daripada negara asal yang menandatangani, telah berjaya meratifikasi Perjanjian CPTPP. Justeru itu, setiap negara ahli perlu melengkapkan proses domestik masing-masing sebelum meratifikasikan perjanjian ini. Hanya negara-negara ahli yang telah meratifikasi boleh melaksanakan Perjanjian CPTPP dan mendapat faedah daripada Perjanjian ini.

Tuan Yang di-Pertua,

10. Kementerian ini akan terus bekerjasama dengan Kementerian-kementerian lain bagi menerangkan kandungan dan impak perjanjian RCEP dan CPTPP bukan sahaja kepada pihak-pihak yang terlibat secara langsung dengan aktiviti perdagangan, tetapi juga kepada rakyat secara keseluruhan. Rundingan awal juga telah dijalankan oleh Kementerian ini dengan beberapa pihak bagi melaksanakan analisis kos faedah dengan izin *Cost Benefit Analysis* (CBA) yang lebih terperinci bagi perjanjian-perjanjian perdagangan bebas yang disertai oleh Malaysia.

Sekian, terima kasih.